

### Tinjauan Buku

*Kitab Perubatan Melayu: Sari Segala Ubat, Tabib Diraja Kesultanan Pontianak, Pengenalan, Perumian dan Analisis*

**Mohd Affendi Mohd. Shafri**

Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia, 2019, 221 halaman, ISBN 9789671698440

Buku ini terhasil daripada sebuah manuskrip bertulisan Jawi yang menjadi warisan Tabib Diraja Kesultanan Pontianak Kalimantan. Manuskrip buku ini berasal dari Kesultanan Pontianak yang diketengahkan untuk memperlihatkan bahawa sains dan teknologi telah membudaya dalam tamadun dan masyarakat Alam Melayu. *Kitab Sari Segala Ubat (MSS B15)* ini tersimpan di British Library adalah manuskrip perubatan Melayu yang terawal wujud iaitu pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19. Manuskrip ini mengandungi amalan perubatan Tabib Diraja Kesultanan Pontianak, Kalimantan Barat di Pulau Borneo.

Buku ini berasal daripada sebuah tesis yang telah ditulis oleh seorang pelajar tahun akhir di Jabatan Bioperubatan, Kulliyah of Allied Health Sciences, International Islamic University Malaysia. Tesis ini ditulis dalam bahasa Inggeris dan menjadi rangka asas penulisan buku ini. Penulisan tesis tersebut akhirnya diolah dan dikembangkan dengan menambah beberapa bahagian sehingga terhasilnya buku ini. Suatu hal yang menarik berkenaan buku ini ialah, penulis mengintegrasikan pengetahuan perubatan zaman lampau dengan kaedah sains kontemporari. Penggunaan bahan-bahan tempatan dari Kepulauan Melayu dan kaedah ramuan yang ideal serta paling sesuai terhadap formulasi ubat dan teknik pengubatan diceritakan dengan menarik dalam buku ini.

Buku ini mengandungi enam bab iaitu Pengenalan Manuskrip Perubatan Melayu, Latar Belakang Naskah, Perumian dan Nota Kaki *Sari Segala Ubat*, Analisis *Sari Segala Ubat* Perbandingan Sepintas Lalu Isi manuskrip yang dikaitkan dengan laporan Sains Kontemporari dan Penutup. Dalam bab satu buku ini penulis menyatakan tentang kandungan manuskrip perubatan Melayu yang meliputi falsafah perubatan, tatacara membuat diagnosis penyakit, amalan penjagaan kesihatan, tatacara merawat penyakit fizikal dan bukan fizikal, penggunaan doa dan ramuan bahan rrawatan. Kesenian mengubat dalam pandangan penulis merujuk kepada kepandaian mengubat dalam kalangan orang Melayu bertitik tolak dengan ketajaman penglihatan mereka memerhatikan kesan dan akibat daripada bahan-bahan dan fenomena yang terjadi di persekitaran hidup mereka. Persekitaran ini melibatkan tumbuhan, haiwan, galian, perubahan waktu dan cuaca.

Penulisan manuskrip perubatan Melayu lumrahnya ditulis oleh golongan ilmuan bangsawan Melayu yang persekitaran hidupnya berkait rapat dengan golongan istana seperti sultan dan golongan bangsawan istana. Kewujudan manuskrip perubatan ini menunjukkan keprihatinan golongan ilmuan bangsawan ini terhadap disiplin ilmu. Misalnya Sultan Iskandar Muda (Sultan Aceh) meminta Shhaykh Nur al-Din al-Raniri menulis sebuah kitab bernama *Bustan al-Salatin*. Manuskrip perubatan Melayu tidak hanya terdpat di alam Melayu sahaja tetapi telah tersebar ke merata tempat hingga ke negara Barat. Hal sedemikian berlaku kerana pihak kolonial Barat telah berusaha melakukan penyalinan manuskrip Melayu secara bersistematik sehingga mewujudkan skriptorium dan menggaji pasukan penyalin. Di Tanjung Pinang Riau, Residen Elout telah mendirikan skriptorium pada tahun 1920-an dan di Jawa

pula terdapat sebuah *Malay Scriptorium* di *General Secretariat*, Betawi. Pusat ini bertugas menyalin naskhah-naskhah Melayu.

Pembangunan semula bidang perubatan Melayu melalui manuskrip telah dilakukan oleh Internatinal Islamic University Malaysia (IIUM). Usaha ini dapat dilihat melalui penganjuran Persidangan Antarabangsa Manuskrip Perubatan Melayu yang diadakan pada tahun 2015 di kampus kesihatan IIUM di Kuantan, Pahang. Para pembentang terdiri daripada ahli-ahli naskhah, ahli perubatan, pergigian dan ahli sains. Persidangan kedua telah diadakan di Islamic Arts Museum Malaysia, Kuala Lumpur pada tahun 2018. Persidangan kedua ini bertujuan merapatkan jurang antara golongan akademik dalam bidang sains dan bukan sains serta pihak akademik dan institusi pemuziuman. Selain itu pesidangan ini juga bertujuan untuk memanfaatkan koleksi manuskrip perubatan Melayu di muzium tersebut.

Penulis menyatakan terdapat gesaan dan gagasan *Pemeribumian Sains Melayu-Islam* yang berasaskan kepada premis: Memang telah wujud amalan sains Melayu dalam acuannya sendiri. Ini terbukti dengan wujudnya sains perubatan Melayu (MSS 1292 yang mengemukakan 694 kaedah rawatan; 70 kaedah rawatan kepala, 3 untuk muka, 78 untuk rawatan mata, 17 untuk telinga, 15 untuk hidung, 9 untuk mulut dan gigi, 63 untuk leher, 33 untuk angina 109 untuk penyakit dalam perut dan 124 untuk pinggang) (Mohd Affendi Mohd. Shafri 2019:15). Kaedah rawatan sains Melayu ini telah dibudayakan dalam masyarakat dengan menggunakan ramuan seperti halia, cekur, sirih, pegaga, haiwan dan ayat Quran (sebagai asas psikologi). Gagasan ini juga menyatakan terdapat etika khusus untuk perubatan Melayu seperti mematuhi pantang larang dan pemakaian ayat Quran yang khusus.

Usaha pengumpulan manuskrip berlaku pada hujung tahun 1950-an hingga tahun 1960. Usaha ini dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan Universiti Malaya. Naskhah perubatan Melayu yang terawal ditransliterasikan dalam bahasa Melayu dari tulisan Jawi ke Rumi di Malaysia ialah, *MSS 418* yang disunting oleh A. Samad Ahmad yang diterbitkan oleh Dewan bahasa dan Pustaka pada tahun 1982. Di Indonesia pula, manuskrip perubatan banyak dikaji oleh ahli bidang naskhah. Keadaan ini menyebabkan pemanfaatan kandungan manuskrip terbatas terhadap ruang lingkup filologi dan kodikologi. Kegiatan mentransliterasikan manuskrip ada dilakukan di peringkat provinsi tetapi hasilnya tidak diterbitkan. Misalnya terdapat lima jilid naskhah lama telah ditransliterasikan oleh Departemen Pendidikan dan Kebudayaan di Perpustakaan Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional di Pontianak, Kalimantan sejak tahun 1980-an. Lima jilid ini masih terdapat di sana meskipun naskhah asalnya telah tiada.

Sebenarnya penggunaan ubatan tradisi telah diiktiraf di Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia seiring dengan penubuhan World Health Organization (WHO). Misalnya Kementerian Kesihatan Malaysia sedang menerbitkan *Blueprint 2028-2027 tentang Perubatan Tradisional dan Komplementari* manakala Akta Perubatan dan Komplementari pula telah diperkenalkan sejak tahun 2016. Badan seperti WHO pula telah mewujudkan Jabatan Perubatan Tradisional, Komplementari dan Integratif sejak 2014 telah mencadangkan supaya kesemua bidang ini diintegrasikan dengan perubatan moden. Kesemua usaha ini menunjukkan bidang perubatan tradisional tidak dipandang remeh, malah telah menjadi satu bidang komplementari yang telah diwujudkan di Malaysia.

Penjelasan berkenaan manuskrip dibincangkan dalam bab kedua. Bab ini menjelaskan proses penilahan manuskrip bertajuk *MSSB15 Kitab Ubat-Ubat dan Azimat* yang tersimpan di British Library yang telah disalin dari naskhah Tama (atau Sama) oleh tabib diraja

Kesultanan Pontianak pada 17 Mei 1813. Ini bermakna manuskrip ini telah ditulis lebih awal daripada tarikh yang dinyatakan. Pemilik asal manuskrip ini tidak dapat ditentukan, namun penulis menyatakan berkemungkinan pemilik asal manuskrip ini ialah Tabib Diraja Kesultanan Pontianak. Proses perumian dilakukan terhadap manuskrip dengan menggunakan kaedah filologi.

Kesultanan Pontianak merupakan Kesultanan Melayu yang terakhir ditubuhkan. Kesultanan ini menyimpan banyak manuskrip perubatan. Terdapat beberapa catatan yang menyebut tentang para ilmunan Pontianak. Misalnya almarhum Ustaz Wan Mohd Shaghir ‘Abdul’Lah dan Hanafi Mohan menyatakan tentang tokoh-tokoh perubatan yang berasal dari Pontianak seperti Muhammad ‘Umar bin Encik Harun bin Malim Bungsu, Haji Ismail bin Haji Mustafa, Haji Muhammad Bura’i bin Haji ‘Adnan bin Haji Ahmad bin Haji Abu Na’im bin Nakhoda Tangkok dan Ruqayyah binti ‘Abd al-Rahman.

Perumian dan nota kaki *Sari Segala Ubat* diletakkan dalam bab tiga. Pada bahagian ini setiap baris kandungan manuskrip (*MSS B15*) ditukarkan ke tulisan rumi dengan menggunakan pendekatan filologi. Kaedah mentransliterasi manuskrip menggunakan edisi piawai iaitu kaedah perumian yang melibatkan proses membetulkan ejaan atau perubahan terhadap kesilapan penulisan/penyalinan, penyimpangan makna yang berlaku dalam naskhah atau pengemaskinian ejaan mengikut bahasa buku zaman ini. Terdapat ayat-ayat dalam Bahasa Arab yang telah dikekalkan kerana tidak boleh dibaca, melibatkan doa, mantera dan azimat. Transliterasi dilakukan baris demi baris dan tidak disambungkan dengan baris yang lain. Penerangan tentang tumbuhan, nama tumbuhan dalam bidang saintifik, pembedaan ejaan, dan makna perkataan yang jarang ditemui ditulis dalam bentuk nota kaki. Manuskrip asal *MSS B15* turut disertakan dalam bab ini. Manuskrip asal ini tiada baris dan tiada tanda bacaan.

Analisis *Sari Segala Ubat* menjelaskan struktur asas manuskrip, jenis penyakit, peramuan, kaedah rawatan, sistem kepercayaan dan perbandingan dengan laporan sains kini. Manuskrip ini mengandungi 38 halaman bertulisan jawi dan setiap halaman mengandungi 13 baris. Bagi membantu pembacaan manuskrip ini, penulis asal telah menggunakan perkataan ‘sebagai lagi’ dan ‘bab ini’ untuk menunjukkan perubahan bab yang baharu. Kedua-duanya menggunakan dakwat merah. Ini merupakan ciri penting yang terdapat dalam tradisi penulisan Melayu, namun begitu kaedah ini hanya digunakan dalam tujuh halaman pertama manuskrip sahaja, Kaedah ini tidak diteruskan dalam halaman selanjutnya.

Sebanyak 53 jenis penyakit disebut dalam manuskrip termasuk lima yang belum dikenalpasti dan dua lagi penyakit bukan fizikal. Terdapat 17 jenis ramuan tunggal dan 87 ramuan campuran. Penyakit puru dan kusta menduduki tempat teratas dari segi bilangan rawatan. Istilah puru relevan dengan beberapa penyakit lain yang dinyatakan seperti sifilis, frambusia dan kanser. Ada diantara penyakit puru yang bertindan dengan penyakit berkaitan mata. Manuskrip ini memberi tumpuan kepada penyakit mata dan telah menjelaskan beberapa kaedah untuk penyakit mata jenis degeneratif seperti *pterygium*. Ramuan ubatan daripada manuskrip ini tidak disusun dengan kemas mengikut aturan sistem tubuh badan, jenis penyakit dan jenis rawatan. Hal demikian berlaku akibat penulis pada zaman dahulu menulis mengikut maklumat yang mereka peroleh tanpa membuat penyusunan maklumat terlebih dahulu.

Menurut buku ini, manuskrip *MSS B15* menjelaskan tiga jenis ramuan atau rawatan iaitu, pertama, ramuan tunggal yang mengandungi hanya satu bahan. Kebanyakan bahan yang

digunakan terdiri daripada herba. Kedua, ramuan campuran iaitu ramuan yang mencampurkan beberapa jenis bahan, Misalnya kapur, cuka, madu, minyak lenga, garam, gula dan rempah ratus (lada hitam dan cengkih). Ketiga, kaedah lain seperti rawatan menggunakan bacaan dan azimat. Berkemungkinan bacaan-bacaan ini dipengaruhi ayat al-Quran dan ada ayat yang tidak dapat dibaca kerana tulisannya tidak jelas. Penggunaan azimat seperti penggunaan kain, daun lontar, atau mangkuk bertulisan tertentu. Bacaan dan azimat ini digunakan secara bersendirian atau bersama-sama ramuan ubatan. Bahan ubatan yang digunakan terdiri daripada bahan tempatan yang terdapat di sekitar Kalimantan dan bahan luar yang dibawa oleh pedagang luar. Contoh bahan yang digunakan seperti adas manis, adas pedas, bawang merah, halia, kunyit, limau, manjakini, pinang, selasih, serai dan pelbagai lagi.

Buku ini menjelaskan terdapat dua kaedah rawatan yang dinyatakan dalam manuskrip ini iaitu kaedah rawatan untuk penyakit fizikal dan kaedah rawatan untuk penyakit bukan fizikal. Tiga kaedah rawatan penyakit fizikal ialah diminum atau dimakan, diterapkan secara luaran pada bahagian tertentu badan dan bacaan atau azimat. Terdapat tiga contoh penyakit bukan fizikal yang dinyatakan dalam manuskrip ini iaitu meroyan, gila dan kerasukan. Dua kaedah digunakan untuk penyakit tersebut iaitu, menerapkan ubat pada bahagian luar tubuh dan menggunakan bacaan atau azimat tertentu.

Penulis menyatakan manuskrip ini menunjukkan kaedah perubatan yang telah dipengaruhi unsur Islam. Hal ini berlaku kerana Islam telah bertapak di Kalimantan pada tahun 1300-an, sebelum Pontianak ditubuhkan pada tahun 1771. Keadaan ini menunjukkan sifat-sifat Islam telah sehati dengan masyarakat tempatan khususnya penggunaan tulisan Jawi. Terdapat-bacaan-bacaan yang menggunakan ayat-ayat dan doa kepada Allah. Misalnya penulis manuskrip menutup rawatan kemandulan dengan berkata "...*in sha Allah Taala sembuh.*" Bacaan ini dianggap sebagai mantera. Penggunaan mantera dalam masyarakat Melayu merupakan doa dan harapan untuk mendapat kesembuhan. Ia mempunyai tindakan merawat secara spiritual dan psikologis untuk menaikkan semangat dan memberikan harapan positif kepada pesakit. Penulis buku ini menyatakan penerapan unsur spiritual ini merupakan perkara yang tidak bercanggah dengan agama selagi tiada unsur-unsur syirik yang dilakukan oleh pengamalannya.

Bab Perbandingan Sepintas Lalu Isi Manuskrip *Sari Segala Ubat* dengan Laporan Sains Kontemporari menjelaskan perbandingan isi kandungan manuskrip dengan sains kontemporari. Bahan perubatan yang digunakan dibuat perbandingan dengan bahan sains moden dalam bentuk jadual, namun masih belum dibuat secara komprehensif. Padanan yang dilakukan hanya menjurus kepada jenis tumbuhan sahaja dan tidak dibuat kepada bahagian tumbuhan yang digunakan untuk merawat penyakit. Padanan dilakukan melalui maklumat Google Scholar kerana pengkalan data ini merupakan pengkalan data terbesar yang mengandungi maklumat ilmiah.

Sebanyak 53 jenis penyakit yang dinyatakan dalam manuskrip ini. Misalnya masalah budak menangis, kecacingan, membuang balgham, ngilu dan kebas, kusta dan seriawan. Seterusnya bab ini juga menjelaskan ubat menghentikan pendarahan, ubat daging-dagingan, ubat bengkak, ubat sakit tuan, ubat hati, menyucuk, ubat senak lagi kembung, ubat sakit pinggang dan ubat sembelit. Selain itu, penulis menyatakan perihai sakit rengat, buang air besar berlendir dan berdarah, dugal, medu, susah kencing, syphilis, puru jahat dan puru muda, dan meroyan. Penyakit mata pula dijelaskan oleh penulis tentang sakit mata patekan dan rabun. Manuskrip ini juga membincangkan ketumbuhann, penawar bias ular, anak panah

dalam tubuh, disengat kala, demam, resdung, keracunan arsenic, sebu, mengah (asma), sakit tubuh, telinga dimasuki lipan dan haiwan lain, kosmetik dan senggugut

Perbandingan kandungan manuskrip dengan kajian moden hanya melibatkan *materia medica* sahaja. Hal ini bertujuan untuk memurnikan naskhah dengan tidak mengeneipkan hakikat orang Melayu dahulu turut melibatkan unsur-unsur bukan *materia medica* (bukan bahan). Hasil penulisan ini menunjukkan terdapat 104 *materia medica*. Sebanyak 87 daripadanya merupakan ramuan campuran atau adunan dan 17 lagi merupakan ramuan tunggal. Terdapat 27 rawatan yang melibatkan unsur bukan *materia medica*. Bahan-bahan yang digunakan sebagai ramuan juga adalah bahan khas dari Pulau Borneo. Kebanyakan daripada preskripsi yang disebutkan dalam manuskri *MSS B15* ini disertakan dengan kaedah perubatannya seperti melalui pengambilan makanan dan mengenakan ubat-ubatan secara langsung ke bahagian tubuh disertai dengan bacaan-bacaan tertentu.

Penulis menyatakan perbandingan isi kandungan manuskrip dengan penemuan sains kontemporari bukan bertujuan merendahkan perubatan Melayu tetapi untuk menunjukkan kaedah pengamalan perubatan Melayu itu sudah sintifik kerana mempunyai nilai rasional, kebolehpercayaan dan keberkesanannya. Secara tidak langsung perbandingan ini juga dapat membantu saintis moden mengkaji perubatan Melayu. Kajian ini bukan sahaja terhad kepada mengenali bahan tetapi mempertimbangkan kaedah-kaedah yang digunakan untuk mengekstrak, meramu/mengadun dan memberi rawatan kepada pesakit. Bagi pengamal perubatan yang beragama Islam, penulis mengesyorkan agar penjelasan dan pemerian nilai kandungan perubatan Melayu sama ada dalam falsafah atau amalan dan teknik perawatan dapat membantu proses penyahBaratan /penidakBaratan ilmu pengetahuan. Hanya dengan memahami sedalamnya perubatan Melayu barulah pengamal perubatan Melayu kini dapat menghindari amalan-amalan pseudosains (amalan-amalan yang memakai nama perubatan Melayu tetapi sebenarnya tidak) yang berleluasa sekarang ini.

Penulis telah mencadangkan dua kajian lanjutan dalam bab penutup iaitu lebih banyak manuskrip-manuskrip perubatan Melayu akan diperkenalkan semula, diterbitkan seluruh isi kandungannya dan dipersembahkan dalam bentuk ilmiah. Kedua, penulis mencadangkan agar penyelidikan saintifik dilakukan terhadap bahan dan kaedah rawatan Melayu secara integratif, merentas disiplin, dan dipisah daripada kaedah-kaedah moden yang tidak sesuai dengan kaedah-kaedah tradisional. Buku ini menjadi lambang sejarah ketamadunan Melayu dan wajar dijadikan sumber rujukan untuk penyelidikan dalam bidang kebudayaan Melayu dan bidang sains kesihatan yang ingin memahami bidang perubatan Melayu.

Yusmilayati Yunos  
Kluster Warisan Melayu (Kumpulan Pemuliharaan dan Pemeliharaan)  
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
yusmila@ukm.edu.my